

01 JUL 1999

Razaleigh-Pas

DAKWAAN PAS DALIH UNTUK TUTUP KELEMAHAN

KOTA BAHARU, 1 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata dakwaan Pas yang cuba menyalahkan kerajaan pusat berkaitan masalah kemiskinan di negeri ini merupakan dalih mereka untuk menutup kelemahan sendiri.

Beliau berkata kerajaan pusat telah memperuntukkan berjuta-juta Ringgit melalui geran pembangunan setiap tahun untuk Kelantan bagi memastikan rakyat terus mengecapi kemudahan infrastruktur.

Bagaimanapun katanya kerajaan Kelantan yang berkuasa terhadap tanah dan pelbagai soal pentadbiran negeri yang lain enggan memberi kerjasama kepada kerajaan pusat bagi memastikan penyaluran peruntukan itu memberi kesan maksimum kepada rakyat.

"Kerana dia dah lalai dan tak melakukan tanggungjawab dengan sempurna kepada rakyat, dia cuba nak salahkan orang lain. Jadi tak betul dan tak tepat dia menyalahkan kerajaan pusat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu kemiskinan di Kelantan baru-baru ini berkata kerajaan pusat juga sepatutnya dipersalahkan kerana gagal berperanan sepenuhnya membantu kerajaan Kelantan.

Isnin lepas Dr Mahathir berkata kadar kemiskinan yang tinggi di Kelantan membuktikan kerajaan Pas gagal mentadbir dengan baik.

Tengku Razleigh juga mendakwa kerajaan Kelantan tidak mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi membasmi kemiskinan.

Beliau juga berkata pimpinan Pas cuba mempengaruhi masyarakat kampung dengan menyifatkan kemiskinan rakyat sebagai "takdir tuhan" dalam usaha pemimpinnya menutup kelemahan diri.

"Kalau semua pemimpin Pas beranggapan begitu mengapa mereka nak berkereta besar, nak duduk rumah besar dan sebagainya. Patutnya mereka menerima takdir juga dan hidup sebagai orang miskin," katanya.

Terdahulu, Tengku Razaleigh mendengar taklimat mengenai perkembangan projek pembangunan Kelantan yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat di Jabatan Pembangunan Persekutuan di sini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali dan anggota Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional.

Mengenai projek pembangunan itu, Tengku Razaleigh berkata pihaknya akan memastikan peruntukan sebanyak RM2.5 bilion bagi Kelantan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dilaksanakan dengan lancar untuk kepentingan rakyat.

Pada majlis itu Tengku Razaleigh juga menerima sumbangan RM10,000 untuk Tabung Barisan Bertindak Kosovo yang disampaikan oleh anggota Persatuan Kontraktor Berwibawa Kelantan.

-- BERNAMA

RAR NMO